

LIMBANG, 28 APRIL (BERNAMA) -- LEBIH BANYAK LAGI SEKOLAH MENENGAH PERLU DIDIRIKAN DI NEGERI INI UNTUK MENEMPATKAN BILANGAN MURID YANG BERTAMBAH BERIKUTAN PENGHAPUSAN PEPERIKSAAN DARJAH ENAM.

MENTERI PELAJARAN DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA DEMIKIAN DI SATU PERJUMPAAN DENGAN IBUBAPA DI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN BAKALALAN DALAM BAHAGIAN KELIMA KELMARIN.

KATANYA, KERAJAAN AKAN MEMBELANJA \$1.2 JUTA UNTUK MEMPERBESARKAN SEKOLAH-SEKOLAH DI BAHAGIAN INI TERMASUK PEMBESARAN SEKOLAH MENENGAH KERAJAAN LIMBANG DENGAN BELANJA \$418,000.

BAGAIMANAPUN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN INI TIADA MEMPUNYAI ERTI SAMA SEKALI SEKIRANYA IBU-BAPA TIDAK MENGGALAKKAN ANAK-ANAK MEREKA DATANG KE SEKOLAH, TAMBAHNYA.

MENTERI PELAJARAN ITU JUGA MENGUMUMKAN BAHAWA KERAJAAN AKAN MENDIRIKAN SEBUAH SEKOLAH MENENGAH YANG BARU DI TRUSAN UNTUK MENGGANTIKAN BANGUNAN SEMENTARA DI SIANG-SIANG.

MENURUTNYA PEMBELIAN TANAH SELUAS 30 EKAR BAGI BANGUNAN SEKOLAH TERSEBUT SEDANG DIJALANKAN.

-- BERNAMA 1533/A1

561:

MAHATHIR-SEKOLAH (MENGGANTIKAN 554)

SIBU, 28 APRIL (BERNAMA) -- KIRA-KIRA \$41 JUTA AKAN DIBELANJAKAN BAGI PEMBINAAN SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI SARAWAK MENJELANG AKHIR TAHUN INI, KATA MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

MENJELANG AKHIR TAHUN INI SEJUMLAH 411 BILIK DARJAH, 17 BUAH ASRAMA, 203 YUNIT KEDIAMAN GURU, 93 MAKMAL SAINS DAN 18 BENGKEL AKAN DIBINA, KATANYA BERUCAP MERASMIKAN SEKOLAH MENENGAH KERAJAAN BERTAMBAH \$1.06 JUTA DI SINI.

SEKOLAH TERSEBUT DIBERI NAMA BARU - SEKOLAH MENENGAH ROSLI DHABI SEMPERA NAMA SEORANG TOKOH PERJUANGAN KEMERDEKAAN SARAWAK YANG TERKENAL DALAM LEWAT TAHUN EMPATPULUHAN.

DR. MAHATHIR BERKATA LEBIH BANYAK SEKOLAH MENENGAH DAN MAKTAB RENDAH AKAN DIBINA DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA MANAKALA SEKOLAH-SEKOLAH YANG SEDIA ADA AKAN DIBESARKAN.

KATANYA, DI BAWAH RANCANGAN ITU 30 BUAH LAGI SEKOLAH MENENGAH AKAN DIBINA DI SARAWAK DI SAMPING ITU PERKEMBANGAN PELAJARAN RENDAH AKAN DIPERHEBATKAN LAGI. -- BERSAMBUNG 1610/A1

566:

MAHATHIR-SEKOLAH 2 SIBU

KATANYA, KERAJAAN SEDAR BAHAWA LEBIH BANYAK SEKOLAH MENENGAH PERLU DIDIRIKAN DI NEGERI INI UNTUK MENEMPATKAN BILANGAN MURID YANG SEMAKIN BERTAMBAH BERIKUTAN DENGAN PENGHAPUSAN PEPERIKSAAN DARJAH ENAM.

DI LIMBANG KELMARIN, DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN AKAN MEMBELANJAKAN \$1.2 JUTA UNTUK MEMBESARKAN SEKOLAH-SEKOLAH DI BAHAGIAN INI TERMASUK PEMBESARAN SEKOLAH MENENGAH KERAJAAN LIMBANG DENGAN BELANJA \$418,000.

BERCAKAP DALAM PERJUMPAAN DENGAN IBUBAPA DI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN BAKALALAN BELIAU JUGA MENGUMUMKAN BAHAWA KERAJAAN AKAN MENDIRIKAN SEBUAH SEKOLAH MENENGAH YANG BARU DI TRUSAN UNTUK MENGGANTIKAN BANGUNAN SEMENTARA DI SIANG-SIANG.

KATANYA, PEMBELIAN TANAH 30 EKAR UNTUK TAPAK SEKOLAH ITU SEDANG DIJALANKAN. -- BERNAMA 1622/A1

MAHATHIR-SEKOLAH 3 SIBU (SAMBUNGAN KEPADA 566)

KEMUDIAN SETIBANYA DI KUCHING, DR. MAHATHIR BERKATA BANYAK LAGI SEKOLAH DI SARAWAK PATUT MENUKAR BAHASA PENGANTARNYA DARI BAHASA INGGERIS KE BAHASA MALAYSIA SUPAYA TIDAK KETINGGALAN DI BELAKANG DALAM PERKEMBANGAN PELAJARAN DI NEGARA INI.

KATANYA, WALAUPUN SUDAH BANYAK KEMAJUAN DIBIDANG INI TETAPI TIDAK MEMADAI DARI SEGI PEMBANGUNAN SELURUHNYA DAN JUGA PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA DI SELURUH NEGARA.

DALAM HUBUNGAN INI, KATANYA USAHA-USAHA SEDANG DIBUAT UNTUK MENAMBAH BILANGAN GURU BAHASA MALAYSIA DI SARAWAK DENGAN MENGHANTAR BANYAK LAGI GURU DARI SEMENANJUNG ATAU MENGHANTAR PENSYARAH-PENSYARAH BAHASA KE MAKTAB-MAKTAB PERGURUAN DI NEGERI INI.--